

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JULY 2017

Dr. M perlu sedar diri

UM - 20/7/2017 Pg. 8

Oleh C. SHEILA RANI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JULAI

TUN Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkan dirinya sebagai ‘top dog’ (pemimpin berkuasa) dalam Pakatan Harapan diketuai DAP perlu segera sedar diri.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sharifuddin Tengku Ahmad berkata, dakwaan Pengerusi baharu yang dilantik itu tidak realistik kerana Penasihat DAP, Lim Kit Siang merupakan pemimpin sebenar bagi pakatan tersebut.

“Kini, Dr. Mahathir mendakwa kedudukannya sebagai top dog dalam Pakatan Harapan dan setaraf dengan Perdana Menteri tetapi sama ada beliau mengalami ilusi dan tidak realistik atau sengaja menipu rakyat kerana diktator sebenar pembangkang adalah Kit Siang yang dibiarkan tidak kelihatan dalam struktur kepemimpinan baharu pakatan itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir dalam satu sidang akhbar berkata, beliau percaya kedudukannya dalam pakatan pembangkang secara tidak rasmi sama seperti

Dakwaan Pengerusi baharu yang dilantik itu tidak realistik kerana Penasihat DAP, Lim Kit Siang merupakan pemimpin sebenar bagi pakatan tersebut.”

TENGGU SHARIFUDDIN TENGGU AHMAD
Setiausaha Akhbar Perdana Menteri



Perdana Menteri.

Katanya, beliau akan memperkerusikan mesyuarat majlis presiden Pakatan Harapan dan menjadi top dog dalam hierarki gabungan pembangkang itu.

Mengulas lanjut, Tengku Sharifuddin berkata, parti pimpinan Dr. Mahathir iaitu PPBM hanya memiliki satu kerusi Parlimen berbanding DAP yang mempunyai 38 kerusi iaitu jumlah majoriti bagi pihak pembangkang.

“Jadi, realitinya Kit Siang adalah ketua pakatan pembangkang sebenar dan Dr. Mahathir hanyalah boneka. Sebagaimana senarai pemimpin pembangkang yang diumumkan secara terbuka itu terdiri daripada orang Me-

layu, ia sebenarnya menyembunyikan kuasa sebenar DAP,” katanya.

Dalam pada itu, mengenai cabaran Dr. Mahathir kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Debat ‘Nothing To Hide 2.0’ anjuran Armada PPBM pada bulan depan, Tengku Sharifuddin berkata, Dr. Mahathir tidak pernah berbuat demikian ketika era pemerintahannya.

“Sepanjang 22 tahun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau tidak pernah menganjurkan debat terbuka dengan musuh-musuh politiknya. Mungkin disebabkan beliau seorang diktator yang mana dia sendiri pernah mengakuinya,” kata beliau.